

## Kerangka Islam dan Sifat-sifat Terpuji (*Mahmudah*) Sebagai Asas dalam Keusahawanan Sosial Islam: Satu Penghayatan bagi Usahawan Sosial

Mohd Adib Abd Muin<sup>1\*</sup>, Mohd Sollehudin Shuib<sup>1</sup>, Azizah Che Omar<sup>2</sup> dan Shuhairimi Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010, Sintok, Kedah.

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Multimedia dan Teknologi (SMMTC), Universiti Utara Malaysia (UUM), 06010, Sintok, Kedah.

<sup>3</sup>Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kompleks Pusat Pengajian UniMAP (Blok B), Jalan Kangar-Arau, 02600 Jejawi, Arau Perlis.

### ABSTRAK

*Islam adalah satu agama yang lengkap (syumul) dan menjadi panduan kepada seluruh manusia. Kerangka Islam yang terdiri daripada akidah, syariah dan akhlak telah menjadi asas kepada manusia dalam setiap perkara. Untuk melaksanakan keusahawanan sosial Islam secara holistik, usahawan sosial perlu menerapkan kerangka asas Islam (akidah, syariah dan akhlak) dalam diri serta mempunyai sifat-sifat terpuji (mahmudah) agar matlamat sosial yang ingin dicapai selari dengan kehendak syarak serta mampu memberikan sumbangan dan penglibatan kepada masyarakat secara maksimum. Kertas kerja ini adalah bertujuan menghuraikan kerangka Islam sebagai asas dan panduan yang jelas kepada usahawan untuk melakukan aktiviti keusahawanan sosial, malah ditambah dengan sifat-sifat terpuji (mahmudah). Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah analisis kandungan berdasarkan kajian-kajian lepas serta merujuk al-Quran dan Sunnah. Diharapkan apabila kerangka asas Islam (akidah, syariah dan akhlak) diikuti dengan sifat-sifat terpuji (mahmudah) dihuraikan, maka ia mampu mencapai matlamat keusahawanan sosial Islam dan seterusnya dapat meningkatkan syiar Islam.*

**Kata Kunci:** Kerangka Islam, Keusahawanan Sosial Islam (KSI), Penghayatan, Usahawan Sosial.

### 1. PENGENALAN

Konsep keusahawanan sosial Islam adalah konsep yang berdasarkan perspektif Islam yang mana ia berpandukan kepada sumber hukum utama dalam Islam iaitu al-Quran dan Sunnah. Keusahawanan sosial Islam yang digariskan juga merujuk kepada sirah hidup baginda Nabi Muhammad SAW semasa berhijrah dari Kota Mekah ke Kota Madinah. Keusahawanan sosial Islam yang ini adalah alternatif kepada keusahawanan sosial Barat sedia ada yang mana hanya tertumpu kepada hubungan di dunia semata-mata, malah terhad dalam konteks memenuhi keperluan sosial manusia sahaja tanpa merujuk kepada konsep akhirat (Mohd Adib, 2017).


Objektif keusahawanan sosial Islam ini adalah untuk mencapai tuntutan agama Islam berdasarkan konsep *al-maqasid al-syariah* dan juga mencapai tuntutan *al-falah* (berjaya mendapatkan keredaan dan keberkatan Allah SWT di dunia dan akhirat). Perkara utama dalam objektif keusahawanan sosial Islam adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan, harta dan maruah. Hal ini menjadi tuntutan wajib ke atas setiap golongan usahawan sosial dalam menjadikan keusahawanan sosial Islam sebagai alternatif kepada keusahawanan sosial Barat.

Setiap perilaku manusia di atas dunia ini tidak lain hanyalah untuk merealisasikan tanggungjawab, hak dan amanah kepada Allah SWT. Seharusnya, individu Muslim yang bergelar usahawan sosial perlu didorongi sifat bertanggungjawab untuk menunaikan amanah sebagai

\*Koresponden: mohdadib@uum.edu.my

hamba dan khalifah Allah SWT secara bersungguh-sungguh. Melalui keyakinan bahawa Allah SWT melihat segala apa yang dikerjakan mendorong umat Islam untuk lebih memaksimumkan kemampuannya bagi menghasilkan kerja-kerja yang berkualiti tinggi dan mampu memberikan kesan yang positif serta bermanfaat kepada semua orang (Solahuddin Hamid, 2012).

Secara asasnya, agama Islam yang dianuti dan dihayati dapat diklasifikasikan kepada tiga bahagian utama, iaitu akidah, syariah dan akhlak. Bagi melahirkan umat Islam yang terbaik sebagaimana yang telah digariskan oleh Allah SWT dalam al-Quran dan hadis, ketiga-tiga komponen ini perlu berjalan secara bersepada dalam seluruh kehidupan manusia (Mahmood Zuhdi Abd Majid, 2004).



**Rajah 1.** Kerangka Islam sebagai asas dalam diri individu usahawan sosial (Mohd Adib, 2017).

Berdasarkan kepada Rajah 1 di atas, individu usahawan sosial yang melaksanakan amalan keusahawanan sosial Islam hendaklah meletakkan akidah sebagai asas yang utama. Kesempurnaan menghayati dimensi tauhid menjadi kunci kepada kesempurnaan menghayati dimensi-dimensi lain seperti ibadah, syariah dan akhlak. Seterusnya, setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah tidak melampaui daripada batas-batas syariah serta nilai-nilai akhlak Islam yang terbentuk daripada semangat falsafah tauhid kepada Allah SWT. Kesepadan antara ketiga-tiga asas inilah akan menjadikan kegiatan keusahawanan sosial Islam yang dilakukan oleh para usahawan sosial dinilai sebagai ibadah kepada Allah SWT. Dalam erti kata lain, umat Islam bekerja bukan sekadar untuk keperluan hidup di dunia semata-mata, malahan mereka juga turut berusaha mendapatkan ganjaran yang bersifat hakiki di akhirat kelak. Konsep-konsep yang ditawarkan oleh agama Islam ini sentiasa relevan sebagai mekanisme penyelesaian terbaik bagi segala masalah dan krisis yang dihadapi oleh setiap golongan manusia tidak kira agama dan bangsa kerana agama Islam itu diturunkan untuk seluruh manusia sehingga akhir zaman (Mohd Adib, 2017).

## 2. KERANGKA ASAS ISLAM

### 2.1 Akidah

Secara umumnya, ibadah mempunyai asasnya tersendiri, iaitu akidah Islam. Perkataan akidah berasal daripada perkataan Arab, iaitu "*aqada*" yang bererti mengikat atau menyimpul. Menurut Hasan al-Banna (1906-1949), akidah ialah hal yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan dalam hati yang akan mendorong hati dan jiwa berasa tenang, tidak bimbang dan bersih daripada prasangka. Akidah mampu melahirkan keyakinan yang kuat dan teguh dalam menghayati seluruh aspek kehidupan dan amal ibadat kepada Zat Yang Maha Berkuasa. Akidah terbahagi kepada dua jenis. Pertama, *tauhid uluhiiyyah*, iaitu sifat ketuhanan Allah SWT yang benar dan mempunyai kekuasaan bagi mengatasi segala kekuasaan yang ada di alam ini sama

ada di bumi atau di langit yang nyata atau tidak nyata. Kedua, *tauhid rububiyyah*, iaitu sifat Allah SWT bukan sekadar mencipta alam dan manusia, selanjutnya bertanggungjawab pula mengawal, mengatur dan mentadbir alam ini. Akidah Islam sebagai asas ibadah bertanggungjawab menolak semua *Ilah* (tuhan) yang lain daripada Allah SWT yang pernah disembah oleh manusia seperti patung, harta benda, wang dan sebagainya. Juga menolak pengabdian diri kepada iblis, syaitan, nafsu dan syahwat. Juga pengabdian diri kepada manusia (Mohd Puzhi Usop, 2014).

Akidah merupakan permulaan dakwah kepada Islam dan sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Al-Quran telah menjelaskan ia tidak sekadar fahaman, idea yang hanya bersifat konseptual atau asas yang membezakan antara orang Mukmin dan orang bukan Islam semata-mata, malahan selain mengandungi deklarasi pembebasan manusia dari segala bentuk pengabdian sesama makhluk, ungkapan kalimah syahadah sebagai motif tingkah laku manusia juga menuntut komitmen manusia untuk melaksanakan pelbagai *taklif* secara bersunguh-sunguh sama ada dalam bentuk hubungan menegak, mahupun hubungan melintang sehingga tidak wujud dualisme seperti beribadah kerana Allah SWT, tetapi bekerja kerana yang lain. Sayyid Qutb (1992) menyatakan bahawa pelaksanaan ibadah adalah manifestasi daripada akidah, maka tidak sah akidah menyebabkan ibadah yang dijalankan tersebut juga tidak sah. Justeru, manusia sebagai asas dan agen dalam proses meningkatkan pertumbuhan pembangunan ekonomi, malah hendaklah berpegang teguh pada norma-norma dan nilai-nilai *qati`* dalam setiap aktiviti kehidupan mereka (Mohd Puzhi Usop, 2014). Seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan (Tuhan berfirman lagi): sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-ruah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan".*

(Terjemahan surah al-A`raf, 7: 96)

Dalam erti kata lain, akidah memainkan peranan besar dalam membentuk insan yang sempurna, sebuah masyarakat yang harmoni serta membangun negara yang aman dan sejahtera melalui pengawalan seluruh aktiviti manusia untuk mencapai keberkatan serta kebahagian dunia dan akhirat berdasarkan sumber wahyu al-Quran dan Sunnah. Menurut Solahuddin Hamid (2012), menyatakan bahawa ukuran mutlak kejayaan usahawan tidak terbatas kepada tahap kepuasan diri dan pelanggan semata-mata, tetapi turut merangkumi keredaan Allah SWT terhadap pekerjaan yang dilakukan. Objektif ini hanya dapat dicapai jika segalanya diniatkan kerana Allah SWT dengan berbekalkan semangat keimanan dan ketakwaan, sentiasa mengagungkan-Nya, membangunkan bumi berteraskan *Rububiyyah* dan *Uluhiyyah*, menjadikan Allah SWT sebagai tempat bergantung, serta aktiviti keusahawanan tidak menyebabkan mereka lalai daripada mengingati-Nya terutama dalam menunaikan ibadah fardu yang lain. Baginda Nabi Muhammad SAW pernah bersabda kepada sekumpulan manusia yang sedang berjual-beli yang bermaksud:

*"Wahai para peniaga, maka mereka pun menyahut panggilan Nabi SAW dengan mengangkat tengkorak dan pandangan mereka ke arahnya. Lalu baginda bersabda: Sesungguhnya para peniaga akan dibangkitkan pada hari kiamat sebagai fujjar (jahat, ahli maksiat, ahli neraka) kecuali sesiapa yang bertakwa kepada Allah SWT belaku adil dan berkata benar."*

(Hadis Riwayat Imam at-Tirmidzi, No Hadis 1210, bertaraf Hassan Sahih)

Bertakwa kepada Allah SWT dalam konteks hadis di atas ialah tidak pernah melakukan sebarang penipuan dan khianat, berbuat baik kepada manusia dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan, menguruskan perniagaan dengan taat kepada segala perintah Allah SWT dan beribadah kepada-Nya serta berkata benar pada sumpah atau seluruh percakapannya (Abd

Rahman al-Mubarakfuri, 1995). Yusuf al-Qaradawi (2010) menegaskan kepada kita bahawa Islam memandang tinggi terhadap usahawan yang berjaya serta berpegang teguh kepada prinsip agama, malah mereka dianggap sebagai pejuang terhadap nafsu serta layak digelar sebagai pejuang di jalan Allah SWT. Hal ini demikian kerana dalam keghairahan mengejar keuntungan adalah terlalu mudah bagi golongan usahawan untuk mengabaikan ajaran agama, malahan kadangkala mereka mungkin lalai terhadap soal halal dan haram dalam setiap aktiviti perniagaan.

## 2.2 Syariah

Syariah dari segi bahasa adalah pembawaan atau jalan yang jelas. Dari segi istilah adalah meliputi segala hukum dan peraturan yang ditetapkan Allah SWT untuk hamba-Nya melalui al-Quran dan hadis. Makna yang paling sesuai dalam konteks ini ialah menetapkan dan menjelaskan sesuatu, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Allah SWT telah menetapkan dan menjelaskan kepada kamu (wahai umat Islam) daripada perkara-perkara agama apa yang telah Dia perintahkan kepada Nabi Nuh, apa yang telah Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), dan apa yang telah Kami perintahkan kepada Nabi Ibrahim, Nabi Musa dan Nabi Isa, iaitu hendaklah kamu menegakkan agama (di atas muka bumi), dan janganlah kamu berpecah-belah padanya."*

(Terjemahan surah as-Syura, 42:13)

Imam al-Khazin (678-741H) berkata dalam kitabnya yang berjudul *Tafsir al-Khazin* bermaksud:

*"Asal perkataan syariah adalah daripada perkataan asy-syar'u yang bermaksud penjelasan, pernyataan, penerangan dan pengzahiran. Oleh itu, maksud syara'a ialah menjelaskan, menerangkan dan menyatakan. Ada ulama berkata, 'Ia berasal daripada asy-syuru'u fi asy-syai'I yang bermaksud mula melakukan sesuatu. Dalam bahasa Arab, syariah bermaksud tempat ambil air yang didatangi orang ramai untuk minum, menyiram dan memberi minum haiwan dan sebagainya. Ada pula yang berkata, 'syariah ialah jalan atau cara. Kemudian ia digunakan dengan makna jalan llahi yang menyampaikan kepada agama.'*

Adapun pandangan Imam Ali bin Muhammad al-Jurjani (400-471H) menyatakan dalam bukunya yang berjudul *at-Ta'rifat* (1/167), syariah ialah menjunjung perintah Allah SWT dengan cara sentiasa melaksanakan tanggungjawab kepada Allah SWT. Syariah di sisi *fuqaha* adalah rangkuman undang-undang yang ditentukan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Ia dikenali syariah berdasarkan sifatnya yang lurus, tidak bengkang-bengkok, manakala peranannya untuk menghidupkan jiwa dan akal manusia mempunyai persamaan dengan peranan air sebagai sumber yang menghidupkan tubuh badan manusia (Yusuf al-Qaradawi, 1998). Implikasi syariah dalam kehidupan manusia bukan sahaja bertindak sebagai penentu halal dan haram tingkah laku manusia, mekanisme menghukum mereka yang menyeleweng atau melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan hukum syariah itu sendiri (Yusuf al-Qaradawi, 1998).

Secara umumnya, syariah bermaksud hukum-hakam yang ditetapkan, dijelaskan dan diturunkan oleh Allah SWT kepada mana-mana Nabi sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Bagi setiap umat daripada kalangan kamu, Kami jadikan suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Kalau Allah SWT menghendaki, nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu."*

(Terjemahan surah al-Ma'idah, 5:48)

Secara khususnya pula seperti dalam konteks ini, syariah ialah hukum-hakam agama yang ditetapkan, dijelaskan dan diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW, sama ada yang berkaitan dengan akidah, ibadah, akhlak atau lainnya. Menurut Ali Ahmad al-Qulaishi (2015), menyebut berkenaan kaitan antara akidah dan syariah ialah:

*"Bawaha sesungguhnya syariah itu merangkumi segala perkara yang diturunkan oleh Allah SWT berupa hukum-hakam yang berkaitan dengan akidah, amalan dan akhlak. Dan bahwasanya semua hukum yang diturunkan oleh Allah SWT adalah dikira syariah. Perkara akidah itu berhubung kait dengan syariah. Akidah adalah asas dan prinsip yang mendorong kepada perlaksanaan syariah. Syariah merupakan perlaksanaan oleh anggota tubuh untuk beramal dengan tuntutan akidah. Sesiapa yang beriman dengan akidah, namun membatakan syariah atau menerima syariah, namun mensia-siakan akidah, maka dia bukanlah seorang Muslim yang berserah diri kepada Allah SWT dan dia tidak mengambil jalan yang membawa kepada keselamatan (dari api neraka)."*

### 2.3 Akhlak

Akhlik merupakan kata *jamak* dari *al-Khuluq* yang digunakan untuk mengistilahkan sebuah karakter dan tabiat dasar penciptaan manusia (Mohd Puzhi Usop, 2014). Kata ini terdiri atas huruf *kha-la-qa* yang biasa digunakan untuk menghargai sesuatu. Firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang luhur."*

(Terjemahan surah al-Qalam, 68:4)

Akhlik mulia di dalam ayat ini, sebagaimana dikemukakan oleh at-Tabari (839-923), bermakna adab sopan santun yang tinggi, iaitu adab sopan santun al-Quran yang telah Allah SWT tanamkan dalam jiwa Rasul-Nya. Adab sopan santun ini tercermin melalui Islam dan ajarannya. Diriwayatkan juga bahawa ketika Aisyah r.a. ditanya Qatadah mengenai akhlak baginda Nabi Muhammad SAW, dia menjawab, "*Akhlik Rasulullah SAW adalah al-Quran.*" (Hadis riwayat Ahmad: Hadis Sahih) Qatadah berkata, "*Aisyah mengatakan bahawa akhlak itu seperti apa yang terakam di dalam al-Quran.*"

Akhlik yang baik itu berdiri di atas empat asas, iaitu kesabaran, keberanian, keadilan dan kesucian. Dengan kesabaran, seseorang dapat melatih diri untuk menahan emosi, menghilangkan bahaya, bersikap waspada dan berhati-hati, lemah lembut dan santun, serta tidak tergesa-gesa (Mohd Puzhi Usop, 2014). Al-Jahiz (776-868) menjelaskan bahawa akhlak adalah keadaan jiwa seseorang yang selalu mewarnai setiap tindakan dan perbuatannya tanpa pertimbangan lama atau keinginan. Dalam beberapa keadaan. Akhlak ini sangat meresap hingga menjadi sebahagian daripada watak dan karakter seseorang. Walau bagaimanapun dalam keadaan lain, akhlak ini merupakan perpaduan dari hasil proses latihan dan kemahiran bersungguh seseorang.

Menurut Ibnu Taimiyah (1263-1328), akhlak berkait rapat dengan iman kerana iman terdiri atas beberapa unsur seperti berikut:

- i. Berkeyakinan bahawa Allah SWT adalah Pencipta, Pemberi rezeki dan Pengusa seluruh kerajaan.
- ii. Mengenal Allah SWT dan meyakini bahawa hanya Allah SWT yang layak disembah.
- iii. Cinta kepada Allah SWT melebihi segala cinta terhadap semua makhluk-Nya. Tidak ada cinta yang dirasakan seorang hamba kecuali didasarkan atas cintanya kepada Allah SWT.

- iv. Cinta hamba terhadap tuhannya akan menghantarkannya kepada tujuan yang satu, iaitu demi mencapai reda Allah SWT, baik terhadap hal-hal kecil mahupun hal-hal besar dalam kehidupan sehari-hari.
- v. Ketika telah berjaya tercipta sesuatu pandangan objektif dan terus akan hakikat sesuatu, maka perilaku dan perbuatan seseorang telah menjadi sebahagian daripada akhlak.
- vi. Dengan kata lain, jika perbuatan seseorang telah menjadi sebahagian daripada akhlak, hal ini merupakan petanda bahawa dia telah melalui jalan-jalan yang harus ditempuh untuk menuju kesempurnaan manusia.

Nilai-nilai akhlak Islam adalah manifestasi daripada semangat falsafah tauhid bagi memandu personaliti dan tingkah laku manusia melalui sistem syariah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk kehidupan hamba-hamba-Nya. Menurut al-Ghazali (450-505H), hubungan secara timbal balik di antara hati dengan anggota badan membolehkan akhlak yang baik diterapkan melalui latihan, begitu juga segala perbuatan yang sukar pada permulaannya akan menjadi lebih mudah apabila ia sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian.

Akhlak Islam adalah perilaku yang dilakukan untuk meraih kehidupan terbaik dan kaedah utama untuk bermuamalah dengan orang lain. Dengan akhlak Islam, perilaku manusia didasarkan dengan nilai-nilai kemanusiaan. Perilaku ini ditujukan untuk kehidupan yang lebih baik. Sebahagian ulama berpendapat bahawa akhlak dalam perspektif Islam adalah sekumpulan asas dan dasar yang diajarkan oleh wahyu ilahi untuk mengatur perilaku manusia. Hal ini dalam rangka mengatur kehidupan seseorang serta mengatur muamalahnya dengan orang lain. Matlamat utama daripada semua ini adalah untuk merealisasikan tujuan diutusnya manusia di atas muka bumi ini (Mohd Puzhi Usop, 2014). Aturan akhlak dalam perspektif Islam bercirikan dua hal berikut:

- i. Karakter *rabbani*. Hal ini menjadi dasar yang paling kuat kerana setiap detik kehidupan manusia harus berdasarkan atas hasratnya untuk berkhidmat kepada Allah SWT melalui muamalahnya dengan makhluk-Nya. Oleh itu, wahyu diturunkan seiring dengan bentuk aturan akhlak ini.
- ii. Karakter *manusiawi*. Jika dilihat dari sisi akhlak yang merupakan aturan umum dari dasar-dasar budi pekerti umum lainnya. Manusia memiliki peranan dalam menentukan kewajipan tertentu yang khusus dibebankan kepadanya. Selain itu, dia memiliki peranan dalam mengenal perilaku manusia lain. Atas dasar inilah akhlak dipandang sebagai jiwa agama Islam.

Al-Ghazali (450-505H) menyebutkan bahawa sebahagian ulama ada menyatakan beberapa ciri akhlak mulia, di antaranya merasa malu untuk melakukan keburukan, tidak senang menyakiti, berkelakuan baik, berkata jujur, tidak banyak bicara, banyak berkarya, sedikit melakukan kesalahan (berulang), tidak banyak mencampuri hal orang lain, tenang, sabar, suka bersyukur, reda akan realiti kehidupan (pahit ataupun manis), bijaksana dan lemah lembut, pandai menjaga kesucian dan harga diri, penyayang, tidak senang melaknati sesuatu atau orang lain, tidak mencela, tidak suka mengadu domba, tidak memfitnah, tidak tergesa-gesa, tidak dengki, tidak kedekut, tidak bermanis-manis di bibir dan wajah, namun dengki di hati, mencintai dan membenci orang lain kerana Allah SWT.

Walau bagaimanapun, Ibnu Qayyim al-Jawziyyah (2001) menyatakan dalam kitab *al-Madarij al-Salikin Bayn Manazil Iyyaka Na'bud wa Iyyaka Nasta'in* bahawa akhlak mulia berdiri di atas empat dasar utama yang saling menyokong antara satu dan yang lain, empat dasar itu adalah kesabaran, keberanian, keadilan dan kesucian. Beliau juga ada menyebutkan bahawa akhlak terbahagi kepada dua klasifikasi, iaitu akhlak mulia kepada Allah SWT dan akhlak mulia kepada para makhluk-Nya.

Akhhlak mulia kepada Allah SWT bermakna menyakini segala sesuatu yang berasal daripada diri kita pasti memungkinkan terjadinya kesalahan sehingga kita perlu memohon keampunan. Adapun segala sesuatu yang berasal daripada Allah SWT patut disyukuri, manakala akhlak mulia kepada makhluk merangkumi dalam dua perkara, iaitu banyak menghulurkan tangan untuk amal kebajikan serta menahan diri dari perkataan dan perbuatan tercela. Kedua perkara tersebut mudah dilakukan jika memiliki lima syarat, iaitu ilmu, kemurahan hati, kesabaran, kesihatan jasmani dan pemahaman yang benar tentang Islam.

### 3. SIFAT-SIFAT TERPUJI (*MAHMUDAH*) DALAM DIRI USAHAWAN SOSIAL BERDASARKAN KERANGKA ISLAM

Sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) merupakan sifat yang telah digariskan oleh Imam al-Ghazali bagi membentuk hati yang sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT agar dapat mengelakkan diri usahawan dari terjebak dengan sifat-sifat tercela (*mazmumah*). Golongan usahawan sosial hendaklah mempunyai sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) kerana amalan yang terpuji ini akan melengkapkan lagi konsep keusahawanan sosial Islam ke tahap yang lebih baik. Antara sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) menurut Imam al-Ghazali r.a (450-505H) dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din* ada sepuluh, iaitu (Mohd Adib & Shuhairimi, 2016):

- i. **Taubat** - Taubat ialah kembali daripada keburukan kepada kebaikan dengan beberapa syarat yang tertentu. Setiap manusia tidak dapat mengelakkan dirinya daripada membuat kesalahan dan terlupa, melainkan manusia yang terpelihara daripada dosa dan salah silap (*ma'asum*) seperti rasul-rasul dan nabi-nabi. Seseorang itu hendaklah bersungguh-sungguh memelihara diri daripada dosa, iaitu dengan memelihara seluruh anggota daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh agama Islam. Usahawan sosial hendaklah sentiasa bertaubat dalam mendekatkan diri kepada Allah SWT dan berusaha melaksanakan taubat nasuha untuk mendapat keredaan Allah SWT. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri"*

(Surah Al-Baqarah, 2: 222)

- ii. **Ikhlas** - Sifat ikhlas ialah menumpukan niat bagi setiap ibadah atau kerja yang dilakukan semata-mata kerana Allah SWT dan diqasadkan (niat) untuk menjunjung perintah Allah SWT semata-mata, serta membersihkan hati dari dosa *riya'*, *ujub*, *takbir* atau ingin akan pujian manusia. Setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dibersihkan daripada sesuatu tujuan yang lain daripada taat kepada perintah Allah SWT. Ikhlas pada tauhid itu bermakna tidak menyekutukan Allah SWT. Usahawan sosial juga hendaklah ikhlas dalam melaksanakan aktiviti sosial untuk mendapatkan hasil yang terbaik dan mendapat pengiktirafan daripada Allah SWT. Dalam meninggalkan larangan Allah SWT, usahawan sosial hendaklah meniatkan untuk taat kepada Allah SWT semata-mata bukan kerana malu kepada makhluk atau sebagainya. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

*"Padahal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah SWT dengan mengikhlaskan ibadah kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar"*

(Surah Al-Bayyinah, 98:5)

- iii. **Khauf (Takut)** – *Khauf* bererti takut kepada Allah SWT, iaitu rasa gementar dan rasa gerun akan kekuatan dan kebesaran Allah SWT serta takut akan kemurkaan-Nya dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Seseorang itu tidak akan berasa takut kepada Allah SWT jika tidak mengenal-Nya. Mengenal Allah SWT ialah dengan cara mengetahui sifat-sifat ketuhanan dan sifat-sifat kesempurnaan bagi zat Allah SWT. Usahawan sosial juga hendaklah takutkan kepada Allah SWT semasa menjalankan aktiviti keusahawanan sosial kerana dengan sifat tersebut akan mendatangkan keberkatan dan keredaan daripada Allah SWT. Rasa takut dan gerun kepada Allah SWT akan menghindarkan usahawan sosial berjaya Muslim daripada melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT dan seterusnya patuh dan tekun dalam mengerjakan perkara yang disuruh dengan hati yang khusuk dan ikhlas. Allah SWT telah merakamkan dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Maka janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Dan Aku sempurnakan nikmat-Ku atasmu dan supaya kamu mendapat pentunjuk”*

(Surah Al-Baqarah, 2:150)

*“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhanmu dan takutlah pada hari yang (ketika itu) seorang bapa tidak dapat menolong anaknya, dan seorang anak tidak dapat (pula) menolong bapanya sedikit pun. Sesungguhnya janji Allah SWT itu pasti benar, maka janganlah sekali-kali kamu terpedaya oleh kehidupan dunia dan jangan sampai kamu terpedaya oleh penipu dalam (mentaati) Allah SWT”*

(Surah Luqman, 31:33)

Nabi Muhammad SAW juga bersabda yang bermaksud:

*“Tujuh golongan orang yang akan mendapatkan perlindungan pada hari yang tidak ada perlindungan kecuali perlindungan dari Allah SWT, di antaranya seorang hamba (laki-laki) yang ‘diajak’ oleh seorang wanita yang memiliki kedudukan dan kecantikan, namun dia mengatakan, ‘Aku takut kepada Allah SWT.’”*

(Hadis Sahih Riwayat Bukhari no. 629 dan Muslim no. 1031 daripada Abu Hurairah r.a)

- iv. **Zuhud (Jiwa yang sentiasa cukup dengan harta dunia)** - Zuhud bererti meninggalkan dunia melainkan kadar yang patut daripadanya. Sebagai contoh, jika diberikan harta, seseorang itu tidak suka pada harta itu dan rasa menderita apabila mendapatnya. Maka dia tidak mengambil harta tersebut dan menjaga dirinya daripada kejahanan dan gangguan harta tersebut. Zuhud yang sempurna ialah meninggalkan perkara lain selain Allah SWT. Dunia ialah tiap-tiap perkara yang tidak dituntut oleh syarak dan ianya sebagai tempat bercucuk-tanam (berbuat kebaikan dan amalan soleh) untuk akhirat yang kekal abadi selama-lamanya. Usahawan sosial hendaklah menanamkan dalam diri sifat zuhud kerana dengan bersifat sedemikian, hati tidak akan terlampau mengejar kepada harta benda dunia. Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Sesungguhnya perumpamaan kehidupan duniawi itu adalah seperti air (hujan) yang Kami turunkan dari langit, lalu tumbuhlah dengan suburinya (kerana air itu) tanam-tanaman bumi, di antaranya ada yang dimakan manusia dan binatang ternakan. Hingga apabila bumi itu telah sempurna keindahannya dan memakai (pula) perhiasannya dan pemilik-pemiliknya menyangka bahawa mereka pasti menguasainya, tiba-tiba datanglah kepadanya azab Kami di waktu malam atau siang, lalu Kami jadikan (tanam-tanamannya) laksana tanam-tanaman yang sudah dituai,*

*seakan-akan belum pernah tumbuh kelmarin. Demikianlah Kami menjelaskan tanda-tanda (kekuasaan Kami) kepada orang yang berfikir”*

(Surah Yunus, 10:24)

*“Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia, tetapi amalan-amalan yang kekal lagi soleh adalah lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu serta lebih baik untuk menjadi harapan”*

(Surah Al-Kahf, 18:46)

*“Dan orang yang beriman itu berkata: “Wahai kaumku! Ikutilah aku, aku akan menunjukkan kepadamu jalan yang benar.” Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (sementara) dan sesungguhnya akhirat itulah negeri yang kekal”*

(Surah Ghafir, 40: 38-39)

*“Ketahuilah, sesungguhnya kehidupan dunia itu hanyalah permainan dan senda gurauan, perhiasan dan saling berbangga di antara kamu serta berlumba dalam menambah kekayaan dan anak keturunan, seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan para petani; kemudian (tanaman) itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning, kemudian menjadi hancur. Dan di akhirat (nanti) ada azab yang keras dan keampunan daripada Allah SWT serta keredaan-Nya. Dan kehidupan dunia tidak lain hanyalah kesenangan yang palsu”*

(Surah Al-Hadid, 57: 20)

Hadis Baginda Nabi berkaitan dengan amalan Zuhud adalah seperti berikut yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah, ia berkata bahwa Rasulullah SAW bersabda:

*“Dunia adalah penjara bagi orang beriman dan syurga bagi orang kafir.”*

(Hadis Riwayat Muslim no. 2392)

*“Daripada Sahl bin Sa'ad As Sa'idi, ia berkata ada seseorang yang mendatangi Nabi SAW lantas berkata, “Wahai Rasulullah, tunjukkanlah padaku suatu amalan yang apabila aku melakukannya, maka Allah SWT akan mencintaiku dan begitu pula manusia.” Rasulullah SAW bersabda, “Zuhudlah pada dunia, Allah SWT akan mencintaimu. Zuhudlah pada apa yang ada di sisi manusia, manusia pun akan mencintaimu.” (Hadis riwayat Ibnu Majah dan selainnya. An Nawawi mengatakan bahawa dikeluarkan dengan sanad yang hasan).*

- v. **Sabar (Menahan dan mencegah diri)** - Sabar bermaksud menahan diri daripada keluh kesah pada sesuatu yang tidak disukai dan musibah yang melanda seseorang. Sifat sabar itu dipuji oleh syarak kerana seseorang yang bersifat sabar menunjukkan ia beriman dengan sempurna kepada Allah SWT dan menunjukkan ia taat dan menjunjung segala perintah agama. Usahawan sosial juga mestilah sabar dalam melaksanakan aktiviti keusahawanan sosial kerana mungkin semasa melakukan aktiviti sosial tersebut mempunyai masalah rintangan dan cabaran yang diluar jangkaun. Sifat sabar ini boleh memupuk hati individu dekat kepada Allah SWT. Dengan sifat sabar ini, usahawan sosial dapat meningkatkan lagi karisma dan kredibiliti sebagai seorang usahawan sosial yang berjaya. Allah SWT telah berfirman memuji sifat sabar ini yang bermaksud:

*“Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah Kami ketika mereka bersabar.”*

(Surah As-Sajdah: 24)

*“Kami akan memberi balasan kepada orang-orang yang sabar.”*

(Surah An-Nahl: 96)

- vi. **Syukur (pengakuan hati terhadap sesuatu ganjaran)** - Syukur bermaksud mengaku dan memuji Allah SWT atas nikmat yang diberikan dan menggunakan segala nikmat itu untuk berbuat taat kepada Allah SWT. Tiap-tiap nikmat yang diberi oleh Allah SWT kepada makhluk-Nya adalah dengan limpah kurnia-Nya semata-mata, seperti nikmat kesihatan, kekayaan, kepandaian dan sebagainya. Usahawan sosial hendaklah sentiasa bersyukur dengan kejayaan yang dicapai, malah dituntut berkongsikan hasil kejayaan tersebut dengan masyarakat lain untuk mendapatkan keberkatan dan keredaan Allah SWT. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku, nescaya Aku ingat (pula) kepadamu, dan bersyukurlah kepada-Ku, dan janganlah kamu mengingkari (nikmat)-Ku.”*

(Surah Al-Baqarah, 2: 152)

*“Dan Allah SWT akan memberi balasan kepada orang yang bersyukur.”*

(Surah Ali-Imran, 3:144)

- vii. **Tawakal (Berserah diri kepada Allah SWT)** - Tawakal ialah menetapkan hati dan berserah kepada Allah SWT pada segala perkara yang berlaku serta jazam (putus) pada iktiqad bahawa Allah SWT yang mengadakan dan memerintahkan tiap-tiap sesuatu. Tidak berpaling hati itu kepada yang lain daripada Allah SWT walau apa pun yang berlaku. Usahawan sosial juga hendaklah bertawakal selalu kepada Allah SWT kerana Allah SWT jualah tempat bergantung dalam setiap kehidupan di dunia dan akhirat. Allah SWT telah merakamkan dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Ketika dua golongan daripada kamu ingin (berundur) kerana takut, padahal Allah SWT adalah penolong mereka. Kerana itu, hendaklah kepada Allah SWT sahaja orang mukmin bertawakal”*

(Surah Ali-`Imran, 3:122)

*“Maka disebabkan rahmat daripada Allah SWT engkau berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu, maafkan mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad (untuk melakukan sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT menyukai orang yang bertawakal kepada-Nya. Jika Allah SWT menolong kamu, maka tidak ada orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah SWT membiarkan kamu (tanpa memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) daripada Allah SWT? Oleh itu, hendaklah kepada Allah SWT sahaja orang-orang mukmin bertawakal”*

(Surah Ali-`Imran, 3: 159-160)

*“Dan bertawakallah kepada Allah SWT Yang Hidup, Yang tidak Mati dan bertasbihlah dengan memuji-Nya. Dan cukuplah Dia Maha Mengetahui dosa hamba-hamba-Nya.”*

(Surah Al-Furqan, 25:58)

*“Sebab itu bertawakallah kepada Allah SWT, sesungguhnya kamu berada di atas kebenaran yang nyata”*

(Surah An-Naml, 27:79)

*“Maka sesuatu apa pun yang diberikan kepadamu, itu adalah kenikmatan hidup di dunia; dan yang ada pada sisi Allah SWT lebih baik dan lebih kekal bagi orang-orang yang beriman, dan hanya kepada Tuhan mereka, mereka bertawakal”*

(Surah Asy-Syura, 42:36)

*“(Dia-lah) Allah SWT, tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) selain Dia. Dan hendaklah orang-orang mukmin bertawakal kepada Allah SWT saja”*

(Surah At-Taghabun, 64:13)

*“Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. Dan barang siapa yang bertawakal kepada Allah SWT, niscaya Allah SWT akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah SWT melaksanakan urusan (yang dikehendaki)-Nya. Sesungguhnya Allah SWT telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu”*

(Surah At-Thalaq, 65:3)

- viii. **Mahabbah (Kasih sayang)** - Kasih kepada Allah SWT bermaksud kasihkan Allah SWT dengan mengingati-Nya pada setiap masa dan keadaan. Kasihkan Allah SWT ialah dengan segera melakukan segala perintah-Nya dan berusaha mendampingkan diri kepada Allah SWT dengan ibadah-ibadah wajib dan sunat untuk bersungguh-sungguh menghindari maksiat serta perkara-perkara yang membawa kemurkaan Allah SWT. Usahawan sosial juga hendaklah mempunyai sifat kasih dan sayang terhadap sesama manusia. Sifat ini dituntut dan perlu disematkan dalam diri setiap usahawan sosial agar dapat menghasilkan aktiviti yang harmoni dan tenang. Ia juga bertujuan untuk mendapatkan keredaan dan keberkatan Allah SWT di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebijakan, akan tetapi sesungguhnya kebijakan itu ialah beriman kepada Allah SWT, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan solat dan menunaikan zakat dan orang yang menepati janjinya apabila dia berjanji dan orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang yang benar (imannya) dan mereka itulah orang yang bertakwa”*

(Surah Al-Baqarah, 2:177)

*“Muhammad adalah utusan Allah SWT dan orang yang bersama dengan dia bersikap keras terhadap orang kafir, tetapi berkasih sayang terhadap sesama mereka. Kamu melihat mereka rukuk dan sujud mencari kurniaan Allah SWT dan keredaan-Nya”*

(Surah Al-Hujurat, 49:29)

- ix. **Redha (Menerima dengan rasa senang dengan apa yang diberikan oleh Allah SWT kepadanya)** - Reda dengan qada' Allah SWT ialah menerima ketentuan nasib yang telah ditentukan oleh Allah SWT sama ada berbentuk nikmat atau berbentuk musibah (malapetaka). Di dalam hadis, diungkapkan bahawa di antara orang yang pertama memasuki syurga ialah mereka yang suka memuji Allah SWT, iaitu mereka memuji Allah SWT (bertahmid) dalam keadaan yang susah atau senang. Usahawan sosial juga hendaklah reda dengan apa yang berlaku selepas dan semasa menjalankan aktiviti keusahawanan sosial kerana setiap perkara yang berlaku itu adalah ketentuan dari ilahi dan ianya mendatangkan hikmah yang besar jika dikaji secara mendalam. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Dan di antara manusia ada orang yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan Allah SWT dan Allah SWT Maha Penyantun kepada hamba-hamba-Nya."*

(Surah Al-Baqarah, 2:207)

*"Allah SWT berfirman: "Pada hari ini orang yang benar (tutur kata dan perbuatan) itu (mendapat) manfaat dari (sifat) kebenaran mereka. Bagi mereka syurga yang di bawahnya mengalir sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah SWT reda terhadap mereka dan mereka pun reda terhadap-Nya. Itulah keuntungan yang paling besar."*

(Surah Al-Ma`idah, 5:119)

*"Jikalau mereka sungguh-sungguh reda dengan apa yang diberikan Allah SWT dan Rasul-Nya kepada mereka dan mereka berkata: "Cukuplah Allah SWT bagi kami, Allah SWT akan memberikan kepada kami sebahagian daripada kurniaan-Nya dan demikian (pula) Rasul-Nya, sesungguhnya kami adalah orang yang berharap kepada Allah SWT, (tentulah yang demikian itu lebih baik bagi mereka)."*

(Surah At-Taubah, 9:59)

*"Katakanlah: "Aku tidak meminta imbalan apa pun daripada kamu dalam menyampaikan (risalah) itu, melainkan (mengharapkan agar) orang mahu mengambil jalan kepada (keredaan) Tuhanmu."*

(Surah Al-Furqan, 25:57)

*"Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang reda dan direndai-Nya."*

(Surah Al-Fajr, 89:28)

- x. **Mengingat mati (zikrul al-maut)** - Zikrul al-maut ialah sentiasa mengingati mati dan sentiasa bersedia dengan amalan-amalan yang baik. Oleh kerana seseorang itu akan mati, maka hendaklah ia bersedia dengan amalan-amalan yang baik dan hendaklah ia memenuhi tiap-tiap saat daripada umurnya itu dengan perkara yang berfaedah bagi akhiratnya kerana tiap-tiap perkara yang telah lalu tidak akan kembali lagi. Usahawan sosial juga mestilah sentiasa mengingati mati kerana setiap kehidupan yang bernyawa pasti akan mati. Dengan sentiasa mengingati mati, segala usaha yang dilakukan akan sentiasa dapat menghasilkan yang terbaik. Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Quran yang bermaksud:

*"Di manapun kamu berada, kematian akan mendapatkan kamu, sungguh pun kamu berada di dalam benteng yang tinggi dan kukuh. Jika mereka memperolehi kebaikan, mereka mengatakan: "Ini dari sisi Allah SWT dan jika mereka ditimpa sesuatu keburukan mereka mengatakan: "Ini (berpunca) daripada engkau (Muhammad)."*

*Katakanlah: "Semuanya (datang) daripada Allah SWT." Maka mengapa orang itu (orang munafik) hampir-hampir tidak memahami pembicaraan (sedikit pun)?"*

(Surah An-Nisa` , 4:78)

*"Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya). Dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan."*

(Surah Al-Anbiya` , 21:35)

Berdasarkan kepada kerangka Islam yang merangkumi akidah, syariah dan akhlak dalam keusahawanan sosial Islam ini mampu memberikan nilai yang positif dalam diri usahawan seperti mempunyai sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) bagi mengatasi sifat-sifat tercela (*mazmumah*). Hal ini bukan sahaja dapat mencapai objektif konsep *al-Falah* (berjaya di dunia dan akhirat) semata-mata, malah dapat meningkatkan kesedaran usahawan lain untuk menghayati konsep *amar maa'ruf wan ahi munkar* (mengajak kepada kebaikan dan mencegah keburukan) bagi mendapatkan keredaan dan keberkatan Allah SWT.

#### 4. KESIMPULAN

Secara kesimpulan, kerangka Islam sebagai asas utama dalam konsep keusahawanan sosial Islam mampu memberikan satu penghayatan yang tinggi kepada semua terutamanya individu usahawan sosial yang mempunyai niat dan perancangan ke arah matlamat sosial. Hal ini merujuk kepada kerangka asas Islam, iaitu akidah, syariah dan akhlak serta penerapan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*) yang mampu mendidik hati usahawan sosial agar dapat memastikan segala perbuatan selari dengan kehendak syarak, malah segala perbuatan yang tercela (*mazmumah*) juga dapat diatasi dan dielakkan dengan berterusan. Hal ini semata-mata bertujuan untuk mencari keredaan dan keberkatan Allah SWT di dunia dan akhirat. Memandangkan tajuk kajian dalam keusahawanan sosial Islam ini adalah sangat terhad dan ia begitu penting dalam meningkatkan ekonomi negara dan memberikan panduan yang jelas kepada golongan usahawan terutamanya usahawan Muslim serta masyarakat, maka disarankan agar pelbagai pihak perlu mengambil bahagian dan inisiatif dalam meningkatkan ilmu pengetahuan diri untuk membantu bersama-sama membangunkan aktiviti keusahawanan sosial Islam yang holistik. Selain dijadikan bahan bacaan tambahan dalam koleksi pengajian dan penyelidikan berdasarkan perspektif Islam, disertakan juga cadangan agar kajian yang dilakukan ini diteruskan lagi kepada generasi penyelidik yang akan datang supaya kajian ini diperluaskan dan ilmu pengetahuan tentang keusahawanan sosial Islam ini diperbanyakkan lagi di masa hadapan serta mendapat manfaat daripada kertas kerja yang dihasilkan.

#### 5. PENGHARGAAN

Sebagai penghargaan, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan juga pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2018/Kod S/O: 14213 yang telah diluluskan.

## RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim. (1980). *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran* (cetakan ke-22). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ali Ahmad Qulaishi. (2015). *al-Madkhal ila Qawā'id al-Fiqh al-Mālī* (Introduction to Financial Legal Maxims), Scientific Publishing Center, King Abdulaziz University, Jeddah.
- Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim al-Ja'fiy al-Bukhari. (2010). *Shahih al-Bukhari (Penterjemah Muhammad Iqbal, Lc.)*. Jil. 1,2,3,4,5, Jakarta: Pustaka as-Sunnah.
- Abu al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi an-Naisburi. (2010). *Shahih Muslim (Penterjemah Dede Ishaq Munawar, Lc.)*. Jil. 1,2,3,4, Jakarta: Pustaka as-Sunnah.
- Ghazali, Abi Hamid Ibn Muhammad al-. (1939). *Ihya' ulum al-Din*. Jil. 1, 2, 3 dan 4. Mesir: Mustafa Bab al-Halabi.
- Ghazali, Abi Hamid Ibn Muhammad. al-. (1996). *Bimbingan mencapai insan Mukmin*, Muhammad Nuhami (selenggara). Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Ibn Qayyim, al-Jawziyyah. (2001). *Madarij al-Salikin Bayn Manazil Iyyaka Na'bud wa Iyyaka Nasta'in*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Ibn Kathir, 'Imaduddin Abul Fida' Ismail bin 'Umar bin Katsir al-Qurasyi. (2013). *Tafsir Ibnu Kathir*. jil.1,2,3,4,5,6,7,8,9,10. Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafi'i.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid & Paizah Ismail. (2004). *Pengantar Pengajian Shariah*, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Mohd Adib Abd Muin. (2017). Amalan Keusahawanan Sosial Islam Dalam Kalangan Usahawan: Kajian Terhadap Usahawan Sosial Berjaya Muslim di Malaysia. (Tesis Ijazah Kedoktoran). Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).
- Mohd Adib Abd Muin & Shuhairimi Abdullah. (2016). Keusahawanan Sosial Islam: Penerapan Sifat-sifat Terpuji dalam Diri Usahawan Sosial Berjaya Muslim. *Journal of Human Development and Communication*, 5, 163-178.
- Mohd Puzhi Usop. (2014). *Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW*. Kaherah, Mesir: Al-Hidayah Publication.
- Muhammad Syukri Salleh. (2011). "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam Untuk Penyelidikan Berkaitan Islam" (*Islamic Research Methodology for Islamic-Related Researches*), Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sayyid Qutb. (1986). *Tafsir Fi Zilali al-Quran*. Jeddah: Dar 'Am.
- Solahuddin Abdul Hamid. (2012). Penghayatan Agama Sebagai Motivasi Keinginan Pencapaian: Kajian Usahawan Melayu Mara Kedah. (Tesis Ijazah Kedoktoran), Universiti Malaya.
- Yazilmiwati Yaacob & Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, (2012). Entrepreneurs' Personality from Islamic Perspective: A Study of Successful Muslim Entrepreneurs in Malaysia. Doi: 10.7763/IPEDR. 2012. V46. 16.
- Yusof al-Qaradawi. (1998). *Siyasah Shar'iyyah fi Daw Nusus al-Syariah wa Maqasiduha*, al-Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Yusof al-Qaradawi. (2010). *Fiqh Ekonomi Islam*, Mohamad Dahlan Arshad (terj.). Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.